

Anwar masih harap dua menteri sertai semula Kabinet

BERITA HARIAN 14 JUN 2025 m/s: 8

Melaka: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata beliau masih memberi masa kepada dua menteri yang meletakkan jawatan sebelum ini, untuk memikirkan secara masak-masak sebelum melepaskan kedudukan mereka dalam Kabinet.

Perdana Menteri berkata, jika boleh beliau mahu Datuk Seri Rafizi Ramli dan Nik Nazmi Nik Ahmad menyertai semula Kabinetnya.

"... biar mereka berfikir Saya kalau boleh (mahu) mereka sertai semula (Kabinet). Surat (peletakan jawatan) sudah diterima, tetapi saya belum terima (luluskan) peletakan jawatan

mereka," katanya.

Sebelum ini, Rafizi yang juga Menteri Ekonomi dan Nik Nazmi selaku Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam menghantar surat peletakan jawatan susulan kekalahan mereka pada pemilihan parti yang berlangsung bulan lalu.

Sementara itu, Anwar dalam ucapannya memohon supaya ahli parti kembali mempererat silaturahim sesama mereka walaupun ada yang tidak berpuas hati dengan keputusan pemilihan baru-baru ini.

Beliau berkata semua pihak perlu berlapang dada dan melupakan perbezaan pendapat

yang tercetus ketika pemilihan itu untuk agenda lebih besar parti.

"Bayangkan saya boleh bekerjasama dengan UMNO, siap peluk-peluk. (Ahli parti) kena *move on* untuk agenda lebih besar. Kalau saya boleh bekerjasama dengan UMNO, takkanlah saya tak boleh bekerjasama dengan kawan-kawan yang berbeza pendapat," katanya.

Dalam perkembangan lain, Anwar berkata, kerajaan menanggung kos perbelanjaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ke Jepun bagi menghadiri Forum Antarabangsa Nikkei Ke-30 pada Mei lalu.

Beliau berkata, kerajaan memperuntukkan kira-kira RM486,000 bagi kos berkenaan selepas menerima permohonan daripada Dr Mahathir untuk menghadiri persidangan yang berlangsung di Tokyo itu.

"Ada peraturan membolehkan Perdana Menteri luluskan (perjalanan bekas Perdana Menteri yang lain) ... beliau mohon, kalau Perdana Menteri luluskan, kerajaan akan bayar, termasuk untuk Tun Mahathir.

"Baru-baru ini beliau ingin ke persidangan Nikkei di Jepun, jadi beliau mohon dan saya luluskan walaupun saya ingat daripada sembilan orang, mung-

kin tujuh orang (yang menyertai delegasinya)," katanya.

Anwar berkata walaupun sering dikritik, bekas Perdana Menteri itu mempunyai hak untuk memohon peruntukan, bagaimanapun kelulusan tertakluk kepada pertimbangan Perdana Menteri.

"Jadi, (ada) orang tanya pasal apa bayar? Ada hak beliau (untuk) memohon, tetapi terserah kepada Perdana Menteri untuk meluluskan. Saya tidak mahu ada yang salah faham ... saya juga tidak mahu ambil sikap negatif walaupun beliau hari-hari 'serang' kita, kita masih luluskan," kata Anwar.